

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menambah baik *ranking* indeks persepsi rasuah global oleh Transparency International di mana Malaysia berada pada ranking 61 dengan skor 47 pada tahun 2018, kemudian ranking 51 dengan skor 53 pada tahun 2019 dan ranking 57/180 dengan skor 51/100 pada tahun 2020.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skor dan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index*, CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International untuk tahun 2020 adalah 51/100 dengan kedudukan pada tangga 57 daripada 180 negara. Skor ini telah menurun berbanding pencapaian negara pada tahun 2019 iaitu skor sebanyak 53 pada tangga 51 daripada 180 negara.

Berdasarkan 9 tinjauan (*survey*) dan penilaian CPI Malaysia bagi tahun 2020, didapati sebanyak 3 telah mengalami penurunan agregat skor iaitu *IMD World Competitiveness Center World Competitiveness*, *Political and Economic Risk Consultancy Asian Intelligence 2020* dan *Varieties of Democracy (V-Dem) 2020*, manakala 1 tinjauan menunjukkan peningkatan iaitu *World Justice Project Rule of Law Index Expert Survey 2020*.

Ketiga-tiga agregat skor yang telah turun tersebut jelas menunjukkan bahawa persepsi rasuah tidak semata-mata dipengaruhi oleh jumlah kes tangkapan rasuah dan jumlah penguatkuasaan yang meningkat. Faktor lain yang turut diambil kira adalah komitmen integriti pemimpin kerajaan, amalan tadbir urus baik kerajaan, komitmen Ketua Jabatan dalam memerangi rasuah dalam organisasi, demokrasi, ketelusan, kecekapan sistem penyampaian kerajaan, keberkesanan pelaksanaan polisi kerajaan serta pemantapan mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) bagi menambahbaik akauntabiliti Kerajaan yang secara tidak langsung memberi kesan kepada daya saing dan ekonomi negara.

Sehubungan itu, Kerajaan akan sentiasa meneruskan usaha untuk memperbaiki kedudukan negara dalam CPI melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 melibatkan 6 bidang keutamaan iaitu tadbir urus politik, pentadbiran

sektor awam, perolehan awam, perundangan dan kehakiman, penguatkuasaan undang-undang dan tadbir urus korporat. Usaha ini merangkumi pembaharuan dasar, pembaharuan undang-undang dan pembaharuan institusi untuk memastikan amalan prinsip tadbir urus baik, ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanan dalam kalangan sektor awam, swasta termasuk sektor politik antaranya seperti berikut:

- (i) Indeks Tadbir Urus Malaysia (MGI) diperkenalkan sebagai suatu ukuran bagi menilai tahap tadbir urus pentadbiran negara. Langkah sedang diambil untuk mengadakan kajian komprehensif bagi mewujudkan MGI serta mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan bagi mengenal pasti indikator pengukuran tahap amalan dan pelaksanaan tadbir urus baik dalam pelbagai sektor berkaitan;
- (ii) Pelaksanaan kajian berhubung penggubalan rang undang-undang baharu berkaitan sumbangan dana politik dan diberi tempoh masa bermula Januari 2021 hingga Disember 2022 bagi mengawalselia sumbangan politik demi memastikan pembiayaan politik yang lebih telus dan berintegriti;
- (iii) Akta Ombudsman Malaysia diwujudkan dengan segera bagi memastikan pengurusan aduan agensi awam yang lebih telus dan berkesan;
- (iv) Meningkatkan usaha untuk mengadaptasi *Integrity Pact* selaras dengan standard antarabangsa. Perkara ini sedang dalam kajian oleh Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia selaras dengan keputusan Mesyuarat JKKMAR Siri 14 Tahun 2021 pada 19 April 2021; dan
- (v) Laporan dan komunikasi kepada umum secara konsisten dan berkala tentang usaha-usaha Kerajaan dalam pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah serta kes-kes berprofil tinggi.

Sekian, terima kasih.